

14 MAR 1999

Pilihan raya-Reaksi

TSU KOON DAN ZALEHA BERKATA RAKYAT SABAH SEDAR AKAN JASA BN

PULAU PINANG, 14 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata kemenangan Barisan Nasional (BN) di Sabah menunjukkan majoriti rakyat Sabah kini memahami dan menerima konsep, semangat dan kebekesanan BN dalam menjamin kestabilan, keamanan dan pembangunan rakyat serta negeri.

Ia juga merupakan undi kepercayaan kepada kepimpinan BN di peringkat pusat dan negeri di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, katanya.

Beliau bagaimanapun melahirkan rasa sedih dengan kekalahan Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok dalam pilihan raya negeri semalam.

Koh percaya sebagai pemimpin Parti Demokratik Sabah (PDS), Dompok akan terus berjuang bersama-sama BN.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail berkata kemenangan BN adalah hasil pilihan bijak rakyat negeri itu.

Zaleha yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno berkata kemenangan besar BN membuktikan rakyat Sabah telah sedar dan berjaya membandingkan kejayaan pemerintahan kerajaan BN dengan pemerintahan beberapa parti pembangkang sebelum ini.

"BN telah menunjukkan kemampuannya...dan BN tetap membela rakyat," katanya selepas merasmikan kempen derma darah anjuran Persatuan Wanita Murni Wilayah Persekutuan dan Hospital Kuala Lumpur.

Katanya kejayaan Umno memenangi kesemua kerusi yang ditandingi juga membuktikan rakyat Sabah dapat menerima sepenuhnya kehadiran parti itu.

BN memenangi 31 kerusi pada pilihan raya negeri yang diadakan selama dua hari Jumaat dan Sabtu sementara Parti Bersatu Sabah memenangi 17 lagi kerusi Dewan Undangan Negeri.

-- BERNAMA

AHM NM RON